

29/06/1998

Institut Infotech Tebrau sedia pengajian IT

Fazlan Hakim

INSTITUT Infotech Tebrau (IIT) di Jalan Megat, Batu Pahat ditubuhkan tahun lalu sebagai menyahut seruan merealisasikan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang menggunakan teknologi maklumat (IT) di samping merencanakan kerajaan eletronik.

Revolusi IT memerlukan penguasaan bidang itu bagi disesuaikan dengan penubuhan bandar Siberjaya yang menyediakan lebuhraya maklumat sejajar dengan matlamat pembangunan negara masa kini.

Justeru, IIT menyahut seruan kerajaan untuk bersama-sama membina masyarakat celik IT dan berilmu menerusi bidang IT yang bakal merubah aspirasi rakyat dengan lebih dinamik, pragmatik dan progresif.

Langkah itu, dijangka melengkapkan agenda reformasi sistem pendidikan negara dan memacu pembangunan negara melalui aktiviti pendidikan yang melahirkan sumber manusia berkualiti di samping menjadikan rantau ini pusat perkembangan ilmu.

Pengerusi Eksekutif IIT, Abdul Rashid Abdullah, berkata IIT telahpun diberikan kelulusan oleh Kementerian Pendidikan dan didaftarkan sebagai institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

"IIT ditubuhkan khusus untuk menyediakan pelbagai program komputer yang dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan di peringkat sijil dan pakej komputer bagi menyediakan guna tenaga berkemampuan sesuai dengan aspirasi negara," katanya.

Beliau berkata, objektif penubuhan IIT ialah memperluas pengetahuan dan penguasaan teknologi komputer sebagai persediaan bagi menghadapi perubahan serta cabaran IT; menyediakan guna tenaga mahir dan peluang pendidikan di dalam bidang IT kepada kakitangan kerajaan serta swasta.

Objektif lain ialah memberi peluang kepada lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi mendapatkan kemudahan pengajian di peringkat tinggi dalam bidang IT.

Ia juga memberi peluang pekerjaan atau melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi bagi pelajar setelah tamat pengajian di IIT.

Menurutnya, IIT juga mendapat kebenaran daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mengendalikan program Diploma Sains Komputer UPM mulai semester Mei 1998 secara francais dengan jangka masa selama dua tahun secara sepenuh masa serta tiga tahun secara separuh masa.

Katanya, pelajar yang layak memenuhi segala syarat untuk pengurniaan Sijil Sains Komputer layak melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Sains Komputer UPM sama ada ke semester satu atau dua mengikut keputusan peperiksaan masing-masing.

Semua syarat kemasukan, kelayakan, yuran dan sistem akademik adalah tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh UPM. Pengurusan kemasukan dikendalikan oleh IIT dan senarai pelajar yang diterima masuk disahkan oleh UPM.

Antara kemudahan yang disediakan ialah kemudahan asrama, pengangkutan, makanan, sukan dan sebagainya.

Peralatan pembelajaran pula dilengkapi dengan sistem Network Server (Unix), 90 set komputer, empat makmal, satu makmal multimedia dan pustaka.

Program kursus yang ditawarkan oleh IIT bersama UPM ialah Diploma Sains Komputer (2 tahun) dan Sijil Sains Komputer (8 bulan) diadakan pada Mei

dan November setiap tahun bagi sesi pengambilan pelajar.

Bagi program dalaman menyediakan kursus Sijil Asas Komputer (4 bulan), Sijil Penyelenggaraan Komputer (4 bulan), Sijil Pengaturcaraan Komputer (4 bulan) dan Sijil Aplikasi Komputer (1 bulan). Pengambilan pelajar bagi peringkat ini dilakukan setiap bulan.

(END)